



NILAI-NILAI MORAL DALAM CERITA-CERITA RAKYAT KAUM BIDAYUH, SERIAN.

FIFI ANAK RINYUK



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (KESUSASTERAAN MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017





ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu penyelidikan tentang nilai-nilai moral dalam cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh di daerah Serian, Sarawak. Terdapat tiga objektif iaitu mengkategorikan cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh, menghuraikan nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat Bidayuh dan menghubungkan nilai-nilai moral dengan kehidupan seharian kaum Bidayuh. Kajian ini dianalisis dengan menggunakan pendekatan moral kerana pendekatan ini meletakkan sastera khususnya cerita rakyat sebagai seni tertinggi kerana memiliki unsur pengajaran dan pendidikan yang mampu mendidik masyarakatnya menjadi individu yang mulia. Usaha pengumpulan cerita-cerita rakyat khususnya di Sarawak telah lama dilaksanakan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Dengan usaha pengumpulan tersebut, maka terhasillah beberapa buah naskah Cerita Rakyat Sarawak seperti Si Sidur dan Dayang Puteri hasil selenggaraan Jiso Rutan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Namun kajian berkaitan dengan nilai moral dalam cerita rakyat Bidayuh belum lagi dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Pengkaji mendapati nilai moral dalam cerita rakyat amat penting untuk diketengahkan kepada masyarakat kerana nilai moral mampu melahirkan insan yang berakhlak mulia khususnya dalam sistem pendidikan di sekolah. Pengajaran sastera rakyat Bidayuh di sekolah mampu menyuburkan semula cerita rakyat yang semakin lenyap di telan zaman. Kajian terhadap cerita rakyat ini juga memenuhi konsep pendekatan moral iaitu cerita rakyat ini mementingkan isi daripada bentuk kerana cerita yang disampaikan oleh penutur kepada khalayak penuh dengan unsur pengajaran. Selain cerita lipur lara, cerita teladan, cerita binatang, cerita jenaka, cerita mitos dan legenda, terdapat cerita hantu tergolong juga sebagai cerita rakyat. Walaupun dianggap cerita hantu tetapi isi cerita sarat dengan pengajaran. Oleh yang demikian, pengkaji berharap agar masyarakat sedar bahawa cerita rakyat masih relevan digunakan dalam kehidupan seharian khususnya di sekolah. Selain itu, kajian ini memperkenalkan kepada masyarakat serta individu yang berminat mengkaji tentang kaum Bidayuh atau menjadikan kajian ini sebagai rujukan ilmiah.





THE MORAL VALUES IN THE BIDAYUH SERIAN FOLKLORES

ABSTARCT

This is a research on the moral values of the Bidayuh's legendary folktales in Serian, particularly in Serian District. In this research, the researcher stated three objectives which include the categories of the Bidayuh folktales, the relationship of the moral values with their daily lives. This study is analyzed using the moral approach. This particular approach portrays these folktales as the highest level of art which also consists of part and parcel of learning and educating the society members to be worthy individuals. The collection of the Bidayuh folktales particularly in Sarawak has been done previously by Dewan Bahasa and Pustaka. With this effort, a few folktales like "Si Sidur" and "Dayang Puteri" had been compiled by Jiso Rutan and published by Dewan Bahasa and Pustaka. However, studies based on the moral values in the Bidayuh folktales have not been done by any researcher. These moral values based on the folktales should be exposed to society especially the Bidayuh folks because these important values could help to propel the society to be well-mannered individuals, especially in the education system nowadays and specifically the students. Researchers found out that moral values portray in the community stories are essential to be exposed to the people, by which it will up bring personnel of high moral values especially in the education system. Thus the teaching of Bidayuh Literature in school will be able to bring up the community stories which are becoming unpopular and unknown as time passes. The research about this communities stories has the concept of using moral values by which emphasis is on the contains of the story rather than ideas of the stories because the stories are told with lesson to be learned. Beside stories like fairy tale, animals and legend, ghost stories are also categorized as community stories though they are scary stories but the lessons portrayed are importance. Thus, the researcher hopes that society especially the Bidayuh folks will realize that their folktales are still relevant to be adopted and adapted in their daily lives especially in schools. In addition, this study also recommends to society members or interested individuals to explore and conduct research on this minority group of Bidayuh and for academic references.



**KANDUNGAN**

	MUKA SURAT
PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	ix

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	11
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Soalan Kajian	13
1.6	Kepentingan Kajian	14
1.7	Batasan Kajian	15
1.8	Kaedah Kajian	17
1.9	Definisi Operasional	18
1.10	Kesimpulan	32



**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	33
2.2	Tinjauan Literatur Dalam Negara	35
2.3	Tinjauan Literatur Luar Negara	48
2.4	Kesimpulan	50

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	51
3.1	Cerita Rakyat	52
3.2	Pendekatan	59
3.2.1	Pendekatan Moral	61
3.2.2	Konsep dan Prinsip Pendekatan Moral	64
3.2.3	Tiga Aspek dalam Prinsip Pendekatan Moral	67
3.3	Reka Bentuk Kajian	69
3.4	Cara Mengumpul Data	72
3.5	Sumber Data	73
3.6	Instrumen Kajian	74
3.7	Prosedur Memunggut Data	74
3.8	Analisis dan Interpretasi Data	76
3.9	Kesimpulan	77



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	78
4.1	Penggolongan Cerita-Cerita Rakyat	79
4.2	Analisis Nilai-Nilai Moral dalam Cerita-Cerita Rakyat Bidayuh	92
4.3	Kesimpulan	179

BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

5.0	Pengenalan	180
5.1	Rumusan Kajian	181
5.2	Implikasi Kajian	191
5.3	Cadangan Kajian Lanjut	196
5.4	Usaha Mengekalkan Sastera Rakyat Khususnya Cerita Rakyat Bidayuh.	198
5.5	Kesimpulan	202

RUJUKAN	203
----------------	------------

LAMPIRAN



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Rumah Panjang Kaum Bidayuh.	9
1.2 Perempuan dan lelaki kaum Bidayuh	10
1.3 Peta Negeri Sarawak	15
3.1 Tiga Aspek Penting dalam Prinsip Pendekatan Moral	69
3.2 Reka Bentuk Kajian	72





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini membincangkan tentang aspek kajian utama iaitu nilai-nilai moral dalam cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh, Serian. Dalam bahagian ini, pengkaji akan menyatakan permasalahan yang timbul, persoalan dan tujuan kajian, kepentingan aspek kajian dan definisi operasional kajian. Penyelidikan ini juga dilakukan bertujuan untuk memberi jawapan yang sah kepada ketidakpastian. Secara menyeluruh, pengkaji menjelaskan nilai moral dalam cerita-cerita rakyat, khususnya cerita rakyat kaum Bidayuh, Serian sebagai fokus utama dalam kajian yang dikaitkan dengan kehidupan masyarakat Bidayuh.





1.2 Latar Belakang Kajian

Kesusasteraan rakyat atau dikenali sebagai sastera tradisi lisan, merupakan asas dan titik tolak perkembangan kesusasteraan moden pada masa ini. Sastera rakyat merupakan pernyataan daripada sesuatu budaya yang dipunyai bersama oleh masyarakat secara kolektif. Selain itu, sastera rakyat berfungsi sebagai pencetus atau pemangkin untuk memperteguhkan kedudukan dan identiti kesusasteraan dari dahulu hingga sekarang.

Perkara yang sama juga berlaku di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Great Britain, Perancis, Leiden (Belanda), Rusia, New Zealand, Australia, Afrika, India dan lain-lain. Cerita-cerita rakyat telah terpancar menjadi cerita-cerita yang popular pada kurun ke-18. Sebagai contoh, cerita tentang kepahlawanan Robin Hood di Great Britain dan Heracles di Amerika Syarikat.

(Abdul Halim Bin Bandan, 1999). Di Rusia cerita-cerita seperti Tarzan, dewa-dewi di kayangan, ahli-ahli sihir dan sebagainya telah melahirkan pelbagai versi cerita yang kemudian tersebar ke negara-negara lain. Cerita-cerita tersebut meninggalkan kesan yang ketara ke atas cerita-cerita mengikut model Barat yang akhirnya menjadi sumber asas kepada penulis-penulis lain dalam kurun ke-19 untuk melahirkan sastera moden khususnya di Rusia (V. Propp dalam Abdul Halim Bin Bandan, 1999).





Demikian halnya tentang sastra rakyat di Malaysia yang bercorak naratif, telah menjadi tumpuan para penyelidik bukan sahaja dalam kalangan pengkaji tempatan malahan turut dilakukan oleh para sarjana luar negara. Sastra rakyat mempunyai peranannya yang tersendiri terhadap masyarakat secara keseluruhannya. Antara peranan sastra rakyat adalah untuk memberi gambaran hidup sesuatu masyarakat yang biasanya didapati melalui tema, struktur cerita dan mesej yang disampaikan. Kemudian mengungkapkan beberapa nilai budaya, moral, kemasyarakatan, kekeluargaan, agama dan sebagainya yang ada pada masyarakat yang melahirkannya.

Sastra rakyat di Sarawak juga diturunkan dari generasi ke generasi melalui tradisi lisan. Hasil kreatif golongan rakyat desa (masyarakat tani) yang sederhana hidupnya ini adalah bertujuan disamping menghibur adalah untuk menasihati dan pendidikan secara tidak formal kepada ahli-ahli dalam masyarakatnya (Fatimah Md. Yassin dalam Haji Othman Bin Daya, 2006: 173).

Sastra rakyat atau cerita rakyat mempunyai nilai-nilai moral yang mampu mendidik masyarakat di sekitarnya. Cerita-cerita rakyat menjadi panduan hidup atau pedoman bagi masyarakat dahulu. Pada ketika dahulu pendidikan iaitu pengajaran yang berkaitan dengan nilai moral disampaikan secara tidak formal dalam kalangan masyarakat. Sastra rakyat seperti puisi dan prosa digunakan dalam menyampaikan pengajaran kepada khalayak walaupun dilihat hanya sebagai hiburan sahaja. Akan tetapi setiap sastra rakyat mengandungi nilai moral yang mampu mendidik serta membawa masyarakatnya menjadi seorang insan yang berguna.





Kita sebagai pencinta sastera sedia makhlum bahawa sastera rakyat sangat berguna dalam mendidik masyarakatnya. Akan tetapi pada ketika ini sudah tidak dipandang tinggi oleh mana-mana pihak khususnya masyarakat. Pemodenan yang negara kita kecapai sekarang sedikit sebanyak telah menyumbang kepada kepupusan sastera rakyat dalam kalangan masyarakat. Sastera rakyat sudah dianggap lapok dan tidak memberi apa-apa kepentingan kepada kehidupan masyarakat pada ketika ini yang memerlukan teknologi sebagai keperluan untuk mengecapi kehidupan yang sempurna.

Kini sastera rakyat hanya dipandang tinggi oleh pencinta sastera sahaja. Sastera rakyat dalam kalangan masyarakat telah menarik minat pengkaji masa kini untuk membuktikan sastera rakyat mempunyai maknanya serta kepentingannya kepada masyarakat. Sastera rakyat dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya telah banyak dikaji oleh pengkaji untuk mengangkat semula sastera rakyat dalam kalangan masyarakat. Selain pengkaji dari dalam negara, malah sastera rakyat telah menarik minat pengkaji dari luar negara untuk membuat kajian berkaitan dengan sastera rakyat dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Kajian sastera rakyat dalam kalangan masyarakat Bidayuh di Sarawak juga ada dilakukan oleh beberapa orang pengkaji yang berkaitan dengan cerita rakyat dan puisi rakyat. Akan tetapi, kajian yang menjurus kepada nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat belum pernah lagi dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Pengkaji berpendapat kajian yang berkaitan dengan nilai-nilai moral amat perlu dilakukan untuk





mengangkat sastera rakyat kaum Bidayuh khususnya cerita-cerita rakyat dalam kalangan masyarakat.

Fatimah Md. Yassin (2006: 173), dalam kertas kerjanya yang bertajuk 'Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan Satu Analisa Isi Yang Bercorak Etika' menyatakan hasil kreatif golongan rakyat desa (masyarakat tani) yang sederhana hidupnya ini adalah bertujuan di samping menghibur adalah juga untuk menasihati dan pendidikan secara tidak formal kepada ahli-ahli dalam masyarakatnya. Beliau juga menyatakan nilai-nilai moral dan etika diserapkan ke dalam cerita-cerita tersebut. Khususnya dalam cerita untuk kanak-kanak jelas dapat dilihat kesedaran untuk menyampaikan pendidikan moral terutama melalui watak dan plot cerita, terang beliau lagi.



Berdasarkan pernyataan yang dibuat oleh Fatimah Md. Yassin, pengkaji secara tidak langsung berminat untuk membuat kajian berkaitan dengan nilai-nilai moral dalam cerita-cerita rakyat dalam kalangan kaum Bidayuh yang belum pernah lagi diselidik oleh mana-mana pengkaji. Isu berkaitan dengan nilai moral amat penting diberi perhatian kerana pengkaji berpendapat bahawa dengan adanya nilai-nilai moral dalam sesuatu karya sastera ia mampu mendidik masyarakat di sekitarnya. Malah cerita-cerita rakyat sangat berkaitan dengan kehidupan masyarakat itu sendiri malah ia sebagai cerminan kehidupan masyarakat tersebut.

Umum mengetahui bahawa Sarawak mempunyai masyarakat yang berbilang kaum iaitu seperti Iban, Cina, Bidayuh, Melanau, Kayan, Kenyah, Kelabit, Lun Bawang,





Punan, dan Penan. Kaum Bidayuh merupakan salah satu kaum yang terdapat di Sarawak yang mendiami kawasan barat daya Sarawak, terutamanya bahagian Serian, Kuching dan di barat Kalimantan. Terminologi Bidayuh bermaksud orang pedalaman. Pada awalnya terminologi ini hanya terhad dan sesuai untuk orang Sadong yang sememangnya dikenali mempunyai penutur yang ramai dan tersebar luas. Setiap kumpulan dialek ini mempunyai banyak variasi dan mempunyai perbezaan dari segi cara percakapan, bunyi dan sebutan. Dialek Bidayuh secara keseluruhannya adalah sangat unik kerana perkataan akarnya bukan diperoleh atau berasal daripada mana-mana dialek kecuali dialek Selako yang mempunyai sedikit kesamaan dengan Bahasa Melayu Sarawak (Chang, 2002; James, 2003)



Menurut Chang (2002), Bidayuh dialek Bukar Sadong di Daerah Serian terdiri daripada 10 kumpulan suku berdasarkan perbezaan atau kelainan dari segi sebutan, percakapan dan bunyi. Kesepuluh kumpulan tersebut terdiri daripada kumpulan Bukar, kumpulan Sambat, Kumpulan Mentu, kumpulan Sumpas, Kumpulan Temong, Kumpulan Taup, Kumpulan Engkeroh, kumpulan Rihih, kumpulan Gahat atau Semabang dan kumpulan Suntas.

Secara umumnya, etnik Bidayuh boleh dibahagikan kepada empat pecahan berdasarkan empat dialek yang menjadi pertuturan utama iaitu Salako-Lara, Bau-Jagoi, Biatah dan Bukar Sadong (Minos, 2000). Dialek Salako-Lara lazimnya dituturkan oleh komuniti Bidayuh di daerah Lundu. Dialek Bau-Jagoi dan Biatah pula membabitkan komuniti Bidayuh yang menetap di beberapa kawasan di sekitar Bau, Padawan, Siburan, dan Penrisen. Sebaliknya, penutur dialek Bukar-Sadong pula boleh dijumpai di





beberapa kawasan utama yang terdiri di daerah Serian seperti Tebakang, Tebedu, Mongkos, Jalan Baki-Riih, Bukar Kedup dan Ampungan atau Seroban. Di daerah Serian sendiri, hampir majoriti etnik Bidayuh yang terdapat di kawasan tersebut terdiri daripada Bidayuh dialek Bukar Sadong (James, 2003). Sebanyak 94% daripada mereka masih lagi memilih untuk tinggal di kawasan luar bandar (Unit Perancang Negeri, 2007). Manakala, yang selebihnya tinggal di kawasan Bandar dan pinggir bandar, Bandar Serian.

Aktiviti utama majoriti komuniti Bidayuh di daerah Serian ini adalah dalam sektor pertanian terutama sekali penanaman padi, penternakan, perikanan dan perhutanan (Ridu, 1994). Aktiviti penanaman padi pada kebiasaannya dijalankan pada pertengahan bulan Jun selepas dua minggu tamatnya Perayaan Gawai Dayak. Ia ditanam di kawasan paya dan lereng-lereng bukit secara berpindah randah. Teknik penanaman biasanya bersifat tradisional dan mengaplikasikan sepenuhnya pengetahuan dan kemahiran yang diwarisi sejak turun temurun daripada nenek moyang mereka (Minos, 2000). Hal ini kerana aktiviti penanaman pada lazimnya dianggap sebagai sebahagian daripada warisan budaya mereka dan bukannya merupakan aktiviti ekonomi yang diusahakan untuk tujuan menjana pendapatan keluarga. Dengan kata lain, aktiviti penanaman padi yang diusahakan oleh mereka ini adalah berkait rapat dengan sistem sosial, budaya dan adat kepercayaan mereka (Minos, 2000).

Jika ditinjau secara sepintas lalu, aktiviti utama komuniti Bidayuh sebelum negara mencapai kemerdekaan adalah memberi tumpuan terhadap sektor primer seperti memburu dan mengumpul hasil hutan seperti damar, buluh, rotan dan gaharu





(Ridu, 1994). Pada pertengahan tahun 1980 an, aktiviti ini kemudiannya telah beralih arah kepada penanaman tanaman komersial yang mendapat permintaan tinggi di pasaran dunia pada ketika itu terutama sekali terhadap tanaman seperti getah, lada, koko dan kopi. Di samping itu, industri pembalakan dan perhutanan terus menjadi sektor utama yang menyumbang kepada punca pendapatan utama mereka. Penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran jangka pendek seperti pisang, nanas, betik, tembikai, jagung, kacang tanah, halia, labu dan ubi kayu sebagai makanan tambahan turut diberi perhatian. Namun, statusnya adalah sebagai sumber pendapatan sampingan. Justeru itu, anggota keluarga yang terbabit dalam pekerjaan ini lazimnya adalah terdiri daripada golongan wanita (Minos, 2002).



Cara hidup tradisional Dayak Bidayuh sebahagian besarnya bercorak komunal. Mereka suka hidup berkumpul dan bekerjasama secara berpasukan terutama sekali dalam penanam padi, pembinaan rumah, menjaga jalan, dan lorong kecil ke sawah mereka, membersihkan kawasan kampung dan membuat persediaan untuk perayaan besar seperti perayaan menuai dan *Gawai*. Semangat gotong-royong dan menolong diri ini diwarisi daripada nenek moyang mereka. Pada masa lampau, semua Dayak Bidayuh tinggal di rumah panjang di bawah bumbung yang sama. Bagaimanapun dengan pemodenan yang berlaku begitu cepat dewasa ini kebanyakan orang Bidayuh sudah tinggal di rumah-rumah sesebuah yang berasingan atau separa berasingan (Tun Hamdan Sheikh Tahir, 1988: 36).






Rajah 1.1 Rumah Panjang Kaum Bidayuh.

Setiap kampung mempunyai seorang ketua dipanggil Tua Kampung. Tugasnya ialah untuk menyelesaikan kes awam dan kes jenayah yang kecil-kecil berkaitan adat dan undang-undang Bidayuh. Ketua Kampung Dayak Bidayuh boleh terdiri daripada lelaki ataupun perempuan dan mesti arif dalam soal adat dan undang-undang kaumnya untuk membolehkannya menasihati anak buahnya apabila perlu (Tun Hamdan Sheikh Tahir, 1988: 35).

Dari aspek pakaian, kaum Bidayuh hanya memilih empat jenis warna pada pakaian mereka iaitu warna hitam, merah, kuning dan putih. Rajah bawah menunjukkan pakaian kaum perempuan dan kaum lelaki masyarakat Bidayuh.



**Rajah 1.2** Perempuan dan Lelaki kaum Bidayuh

Walaupun kaum Bidayuh memiliki pelbagai dialek bahasa, namun mereka masih dalam satu kaum yang memiliki budaya dan cara hidup yang sama. Oleh itu, hasil sastra mereka turut mempunyai persamaan dan ada yang berlainan cerita berdasarkan situasi yang berlaku di daerah itu. Cerita rakyat kaum Bidayuh sama seperti kaum-kaum yang lain terdiri daripada beberapa jenis iaitu cerita lipur lara, cerita teladan, cerita binatang, cerita jenaka, mitos, dan legenda. Dalam kelompok cerita mitos dan legenda berbeza daripada cerita lipur lara, cerita teladan, cerita binatang dan cerita jenaka. Perbezaan itu terlihat dari sudut kepercayaan, latar masa, latar tempat, sifat dan pelaku utama.





1.3 Pernyataan Masalah

Pengkajian ini dilakukan adalah bertujuan menganalisis permasalahan yang wujud dalam memartabatkan karya sastera dalam kalangan masyarakat khususnya kaum Bidayuh. Jika pada ketika dahulu, cerita rakyat sangat popular dalam kalangan masyarakat kerana ceritarakyat merupakan alat hiburan pada ketika itu. Malah cerita rakyat dijadikan alat untuk mendidik masyarakat di dalamnya. Akan tetapi pada masa kini cerita rakyat sudah tidak dipandang oleh masyarakat malah sudah tidak diamalkan lagi dalam kehidupan seharian mereka. Cerita rakyat dianggap sesuatu yang sudah lapok dan tidak sesuai diamalkan pada zaman era moden ini. Oleh itu, pengkaji berharap agar masyarakat membuka minda agar menerima dan mengamalkan cerita rakyat dalam kehidupan setelah mengetahui akan faedah cerita rakyat kepada diri dan masyarakat.

Tidak banyak kajian dilakukan terhadap cerita rakyat Bidayuh menyebabkan cerita rakyat mereka tidak menyerlah berbanding cerita-cerita rakyat kaum-kaum lain. Terdapat banyak cerita rakyat kaum Bidayuh yang tidak didedahkan kepada kaum lain. Kaum Melayu sangat terkenal dengan cerita rakyatnya sebagai contoh cerita Bawang Putih Bawang Merah, Labu Labi, Batu Belah Batu Bertangkub, Pak Pandir, Pak Belalang dan sebagainya. Cerita rakyat kaum Melayu terkenal di mana-mana malah ada hingga ke luar negara. Hal ini sangat membanggakan bagi kaum Melayu. Sebaliknya berlaku kepada kaum Bidayuh kerana cerita rakyat kaum ini tidak diketahui oleh mana-mana pihak.





Pengumpulan dan pendokumentasian cerita-cerita rakyat ada dilakukan akan tetapi agak terhad bilangannya. Zaini Ozea (2006:439), menyatakan setakat ini belum diketahui senarai yang lengkap mengenai jumlah cerita rakyat di Sarawak yang telah diterbitkan. Tetapi boleh dikatakan bahawa bilangan yang sudah terbit agak terhad, yang kebanyakannya, pula hasil pengumpulan daripada etnik yang tertentu sahaja, terang beliau lagi. Berdasarkan pernyataan Zaini Ozea, pengkaji mendapati sastera rakyat dalam kalangan masyarakat di Sarawak khususnya kaum Bidayuh tidak menonjol. Bayangkan hanya beberapa sahaja pengumpulan cerita rakyat dilakukan, apatah lagi kajian yang serius berkaitan dengan cerita rakyat. Memang nyata sangat sedikit yang berminat untuk membuat kajian berkaitan dengan sastera ini.



Kesannya, secara tidak langsung sastera rakyat khususnya cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh di Sarawak tidak akan menonjol. Masyarakat tidak berusaha untuk mengangkat nilai cerita rakyat dalam kalangan khalayak. Keadaan ini disebabkan masyarakat menganggap sastera rakyat tidak penting lagi dalam kehidupan mereka. Sikap masyarakat seperti ini telah menyebabkan sastera rakyat khususnya cerita-cerita rakyat lenyap ditelan zaman.

Selain itu, masyarakat tidak mengetahui nilai serta pentingnya cerita rakyat bagi melahirkan modal insan yang berakhlak mulia. Era moden ini, masyarakat lebih cenderung kepada media elektronik. Oleh itu mereka sudah lupa akan khazanah lama yang perlu dipertahankan agar ia tidak luput ditelan zaman. Melalui cerita rakyat, masyarakat boleh mempelajari nilai moral dan pengajaran yang boleh dijadikan panduan





dalam kehidupan seharian. Sekiranya, cerita rakyat sudah tidak dipedulikan maka khazanah kaum itu akan pupus tanpa diketahui akan kepentingnya.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk;

1. Mengkategorikan cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh.
2. Menghuraikan nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh.
3. Menghubunkaitkan nilai-nilai moral dengan kehidupan seharian masyarakat



1.5 Soalan Kajian

1. Berapakah kategori cerita-cerita rakyat Kaum Bidayuh?
2. Apakah nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat?
3. Adakah terdapat hubungkait di antara nilai moral yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat dengan kehidupan seharian kaum Bidayuh?





1.6 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian yang dilakukan masyarakat akan dapat mengetahui cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh dengan dekat. Selain itu, masyarakat dapat mengetahui betapa pentingnya nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh khususnya untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian. Selepas kajian ini dilakukan, pengkaji berharap agar masyarakat dapat menghargai karya-karya sastera terutamanya cerita rakyat dalam kalangan kaum Bidayuh khususnya. Pengkaji berasa sungguh teruja untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh di Sarawak yang pada ketika ini belum pernah diselongkar oleh mana-mana pihak. Malah, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukkan kepada pengkaji yang berminat untuk membuat kajian yang berkaitan dengan sastera rakyat kaum Bidayuh di Sarawak.

Selain itu, kajian ini menjadi salah satu contoh atau tatapan pelajar yang ingin menelusuri tentang nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita rakyat. Kajian ini penting dalam mendedahkan nilai-nilai moral yang perlu diamalkan dalam kehidupan masyarakat Bidayuh yang menggunakan cerita rakyat sebagai alat untuk mendidik. Disamping itu, kajian ini akan membongkar nilai tersirat dan masih tersembunyi yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut sama ada cerita tersebut bertujuan untuk menasihati, menegur, menyindir, mengingatkan dan menghibur masyarakatnya. Dengan adanya nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat ini akan dapat menjadikan cerita rakyat sebagai alat mendidik di sekolah khususnya di sekolah kaum Bidayuh.





1.7 Batasan Kajian

Dalam kajian yang akan dijalankan ini, pengkaji membataskan kajian terhadap cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh di daerah Serian, Sarawak sahaja. Seperti yang telah dinyatakan pada awal pengenalan, kaum Bidayuh terdiri daripada empat pecahan etnik iaitu Selakau/Lara (Daerah Lundu), Jagoi/Singai (Daerah Bau), Biatah (Daerah Kecil Padawan) dan Bukar/Sadong (Daerah Serian). Walaupun dikategorikan dalam satu kaum yang sama iaitu Bidayuh akan tetapi bahasa bagi setiap pecahan etnik adalah berbeza mengikut daerah. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji membataskan kajian terhadap kaum Bidayuh di daerah Serian sahaja kerana pengkaji hanya memahami bahasa Bukar/Sadong yang kebanyakannya tinggal di daerah Serian.



Rajah 1.3 Peta Negeri Sarawak





Responden juga hanya terdiri daripada kaum Bidayuh Bukar/Sadong bagi memudahkan sesi temu bual dijalankan. Responden pertama merupakan seorang bekas penghulu di Daerah Tebedu iaitu Simpuh anak Silek. Beliau memang arif dalam cerita rakyat. Malah beliau selalu dikunjungi oleh pihak adat istiadat Bidayuh bagi mendapatkan maklumat berkaitan adat, peribahasa, cerita rakyat dan sebagainya. Syarat untuk menjadi seorang penghulu pada ketika dahulu, seseorang itu perlu arif tentang kaumnya dari pelbagai aspek. Empat orang responden yang lain terdiri daripada penduduk kampung yang dikatakan tahu tentang cerita rakyat. Pengkaji mendapati empat orang responden sememangnya mewarisi cerita rakyat daripada orang tua mereka pada zaman dahulu yang diceritakan kepada mereka.



Pengkaji hanya mengkaji 20 cerita rakyat Bidayuh hasil dapada temubual pengkaji bersama responden. Dengan adanya 20 buah cerita rakyat tersebut, ianya mampu membuktikan bahawa setiap cerita rakyat mengandungi nilai-nilai moral dan bagi memenuhi objektif yang pertama dalam kajian ini iaitu mengkategorikan cerita rakyat. 20 cerita rakyat ditulis semula oleh pengkaji dengan menggunakan bahasa Bidayuh Bukar/Sadong dan diterjemahkan dalam bahasa Melayu secara umum.

Selain itu, unsur yang diberi tumpuan ialah nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh. Hasil sastera khususnya cerita rakyat sarat dengan nilai yang perlu dicontohi oleh masyarakat agar mendapat kehidupan yang lebih baik. Oleh itu, pendekatan moral amat sesuai digunakan dalam membuat penyelidikan ini. Kajian ini juga dilakukan dengan membuat rujukan tambahan ke perpustakaan seperti bahan-bahan tesis dan disertasi yang lepas, jurnal, buku-buku ilmiah dan





sebagainya. Hal ini dilakukan bertujuan membantu pengkaji dalam mencari sumber atau maklumat yang dapat menyokong dan memperkukuhkan pendapat atau penemuan yang sedia ada.

1.8 Kaedah Kajian

Menurut kamus Dewan Edisi Keempat kaedah bermaksud cara atau peraturan membuat sesuatu terutamanya yang bersistem atau yang biasa. Kaedah atau metodologi penyelidikan merupakan “blue print” bagi aktiviti penyelidikan dan menetapkan bagaimana hendak menguji hipotesis, menghuraikan sasaran. Kaedah menjelaskan rancangan penyelidikan dan merupakan tahap bagaimana melaksanakan kajian atau penyelidikan.

Bagi memastikan kajian ini berjalan lancar dan memperolehi hasil yang sempurna, pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan. Kaedah ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang tepat, padat dan berkesan. Bahan-bahan yang menjadi rujukan pengkaji ialah seperti tesis, buku, majalah, jurnal, surat khabar dan apa sahaja bahan yang relevan telah ditulis dan dihasilkan oleh beberapa orang pengkaji yang berkaitan dan bersangkutan paut dengan tajuk kajian. Kaedah kepustakaan ini juga penting digunakan dalam mencari definisi istilah serta mencari kajian-kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji berkaitan dengan tajuk untuk dimasukkan ke dalam kajian untuk kali ini.

